

Garis Panduan
Menjalankan Penyelidikan
di bawah Program
Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

2018

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI KANDUNGAN

Akronim	ii
BAHAGIAN 1: PENDAHULUAN	1
1.1 Tujuan	1
1.2 Objektif	1
1.3 Skop	1
BAHAGIAN 2: PELAKSANAAN PENYELIDIKAN	2
2.1 Pendaftaran Penyelidikan	2
2.1.1 Kelulusan Etika	2
2.1.2 Permohonan Geran Penyelidikan KKM	2
2.2 Pengumpulan Data	2
2.2.1 Permohonan Data-data daripada Program Perkhidmatan Farmasi KKM	3
2.2.1.1 Kriteria Permohonan	3
2.2.1.2 Keputusan Permohonan	3
2.3 Analisis Data	3
2.4 Laporan Penyelidikan	4
2.4.1 Laporan Teknikal Penyelidikan	4
2.5 Penyelidikan secara Kolaborasi dengan Program Perkhidmatan Farmasi KKM	4
2.5.1 Permohonan Melaksanakan Penyelidikan secara Kolaborasi dengan Program Perkhidmatan Farmasi KKM	4
2.5.1.1 Kriteria Permohonan	5
2.5.1.2 Keputusan Permohonan	5
BAHAGIAN 3: PENYEBARAN DAN PERLUASAN HASIL PENYELIDIKAN	6
3.1 Pembentangan Hasil Penyelidikan	6
3.1.1 Insentif untuk Membayai Pembentangan Hasil Penyelidikan	6
3.1.1.1 Kriteria Permohonan	6
3.1.1.2 Keputusan Permohonan	7
3.2 Penerbitan Hasil Penyelidikan	7
3.2.1 Insentif untuk Membayai Kos Penerbitan Artikel Penyelidikan Farmasi	7
3.2.1.1 Kriteria Permohonan	7
3.2.1.2 Keputusan Permohonan	8
3.3 Perluasan Hasil Penyelidikan	8
BAHAGIAN 4: PEMANTAUAN AKTIVITI PENYELIDIKAN FARMASI	9
Rujukan	
Apendiks	

AKRONIM

ACS	<i>American Chemical Society</i>
BDPSF	Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Farmasi
JEPP	Jawatankuasa Etika dan Penyelidikan Perubatan
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPK	Ketua Pengarah Kesihatan
MOH	<i>Ministry of Health Malaysia</i>
MREC	<i>Medical Research and Ethics Committee</i>
MRG	MOH Research Grant (Geran Penyelidikan KKM)
NIH	<i>National Institutes of Health</i> (Institut Kesihatan Negara)
NMRR	<i>National Medical Research Register</i>
R&D	<i>Research and development</i> (Penyelidikan dan Pembangunan)

BAHAGIAN 1: PENDAHULUAN

1.1 Tujuan

Garis panduan ini bertujuan untuk mendedahkan para Pegawai Farmasi dan anggota lain di bawah Program Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kepada langkah-langkah amalan baik pelaksanaan penyelidikan dan memberi maklumat tentang kemudahan dan peluang-peluang berkaitan penyelidikan yang disediakan.

1.2 Objektif

- i. Menyeragamkan langkah-langkah menjalankan penyelidikan oleh Pegawai Farmasi dan anggota lain di bawah Program Perkhidmatan Farmasi KKM, dengan berpandukan surat pekeliling dan garis panduan berikut:
 1. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 10/2015¹
 2. Garis Panduan Institut Kesihatan Negara Mengenai Penyelidikan di Institusi dan Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (Pindaan 01/2015)²
 3. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 3/2017³
 4. Garis Panduan Institut Kesihatan Negara (*National Institutes of Health-NIH*) Mengenai Permohonan Geran Penyelidikan Kementerian Kesihatan Malaysia (Versi 3.0, 5 Mei 2017)⁴
- ii. Menggalakkan sebaran dan perkongsian hasil penyelidikan oleh Pegawai Farmasi dan anggota lain di bawah Program Perkhidmatan Farmasi KKM melalui kemudahan dan insentif yang disediakan oleh Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Farmasi (BDPSF), KKM.

1.3 Skop

Garis panduan ini merangkumi semua penyelidikan yang dijalankan oleh Pegawai Farmasi dan anggota Farmasi di bawah Program Perkhidmatan Farmasi KKM. Selain itu, garis panduan ini juga menerangkan kriteria, syarat dan proses permohonan berkaitan penyelidikan yang diselaraskan oleh Cawangan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Farmasi di BDPSF, KKM. Ini termasuk permohonan berikut:

- i. Permohonan data-data daripada Program Perkhidmatan Farmasi KKM untuk tujuan penyelidikan
- ii. Permohonan untuk melaksanakan penyelidikan secara kolaborasi dengan Program Perkhidmatan Farmasi KKM
- iii. Permohonan peruntukan bagi membiayai pembentangan hasil penyelidikan Farmasi secara lisan di persidangan antarabangsa, dan
- iv. Permohonan peruntukan bagi membiayai kos penerbitan artikel penyelidikan Farmasi di dalam jurnal

BAHAGIAN 2: PELAKSANAAN PENYELIDIKAN

Langkah-langkah untuk melaksanakan penyelidikan oleh anggota Farmasi dapat diringkaskan seperti dalam carta di Apendiks A. Langkah-langkah melaksanakan penyelidikan merangkumi penyediaan proposal penyelidikan, pendaftaran penyelidikan dengan National Medical Research Register (NMRR), pengumpulan data, analisis data dan penyediaan laporan penyelidikan.

2.1 Pendaftaran Penyelidikan

Semua penyelidikan yang dijalankan oleh anggota KKM, atau/dan dilaksanakan di institusi dan fasiliti KKM, atau/dan dijalankan dengan menggunakan geran penyelidikan KKM (MOH Research Grant-MRG) mesti didaftarkan secara atas talian melalui laman sesawang NMRR di www.nmrr.gov.my^{1,2}. Sehubungan itu, semua anggota Farmasi KKM perlu merujuk dan mematuhi Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 10/2015¹ dan Garis Panduan Institut Kesihatan Negara Mengenai Penyelidikan di Institusi dan Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (Pindaan 01/2015)² semasa merancang penyelidikan dan sebelum memulakan proses pengumpulan data penyelidikan. Dokumen-dokumen ini boleh diakses dari laman sesawang Institut Kesihatan Negara (*National Institutes of Health-NIH*) di nih.gov.my dan NMRR.

Pekeliling ini juga terpakai untuk Pegawai Farmasi KKM yang sedang bercuti belajar dan perlu menjalankan penyelidikan untuk menyediakan tesis, penyelidik dari agensi lain yang bukan di bawah KKM, sama ada di sektor awam atau swasta yang menjalankan penyelidikan di fasiliti KKM.

2.1.1 Kelulusan Etika

Penyelidikan yang melibatkan subjek manusia dan memerlukan pertimbangan aspek etika hendaklah memperolehi kelulusan menjalankan penyelidikan daripada Jawatankuasa Etika dan Penyelidikan Perubatan (JEPP) atau juga dikenali sebagai *Medical Research and Ethics Committee (MREC)*^{1,2}. Penyelidik-penyelidik tersebut perlu memohon kelulusan daripada JEPP dan memastikan kelulusan telah diperolehi sebelum mula menjalankan penyelidikan dan mengumpulkan data.

2.1.2 Permohonan Geran Penyelidikan KKM

NIH adalah agensi KKM yang bertanggungjawab menguruskan permohonan geran penyelidikan KKM (MRG)^{3,4}. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 3/2017³ dan Garis Panduan Institut Kesihatan Negara (*National Institutes of Health-NIH*) mengenai Permohonan Geran Penyelidikan Kementerian Kesihatan Malaysia (Ver 3.0, 5 Mei 2017)⁴ boleh dirujuk oleh anggota Farmasi yang ingin memohon geran penyelidikan KKM untuk membiayai penyelidikan mereka.

2.2 Pengumpulan Data

Kelulusan menggunakan fasiliti KKM untuk melaksanakan penyelidikan dan mengumpul data perlu diperolehi daripada ketua jabatan fasiliti yang terlibat, sebelum pengumpulan data penyelidikan mula dilaksanakan^{1,2}. Bagi penyelidikan yang melibatkan penggunaan data-data Farmasi yang disimpan oleh Program Perkhidmatan Farmasi di Ibu Pejabat KKM, penyelidik perlu memohon untuk mendapatkan data yang diperlukan secara rasmi.

2.2.1 Permohonan Data-data daripada Program Perkhidmatan Farmasi KKM

KKM menitikberatkan isu keselamatan dan kerahsiaan maklumat kerajaan. Oleh itu, garis panduan memohon penggunaan data ini telah diwujudkan bagi memastikan data-data yang dikongsi dengan pihak luar adalah untuk tujuan penyelidikan sahaja. Di samping itu, garis panduan ini juga dapat memastikan agar data dapat diedarkan melalui saluran rasmi demi mengelakkan penyalahgunaan data kerajaan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Garis panduan permohonan data ini juga diwujudkan bagi tujuan memantau penggunaan data-data Program Perkhidmatan Farmasi KKM dan memastikan data-data adalah digunakan mengikut peraturan yang ditetapkan.

2.2.1.1 Kriteria Permohonan

- i. Permohonan perlu dikemukakan oleh semua penyelidik yang ingin memperolehi dan menggunakan data-data Program Perkhidmatan Farmasi KKM di dalam penyelidikan mereka. Ini termasuk pemohon daripada Program Perkhidmatan Farmasi di Ibu Pejabat KKM yang sedang cuti belajar dan memerlukan data untuk penyelidikan dan penulisan tesis.
- ii. Permohonan hendaklah disertakan surat rasmi yang dikemukakan kepada Pengarah BDPSF, KKM.
- iii. Pemohon hendaklah melengkapkan borang permohonan B1/2018v1 (Apendiks B1) dan dihantar melalui pos kepada Pengarah BDPSF, KKM berserta dokumen sokongan yang dikehendaki.
- iv. Pemohon telah mendaftarkan penyelidikan dengan NMRR dan nombor NMRR telah diperolehi.
- v. *Proposal* penyelidikan dan *Gantt Chart* yang lengkap perlu disertakan bersama borang permohonan.
- vi. Maklumat data (*variable*) yang dipohon disenaraikan dan dinyatakan dengan jelas.
- vii. Data-data yang dipohon ialah data yang tidak sulit dan tidak melibatkan maklumat peribadi pegawai atau pesakit.

2.2.1.2 Keputusan Permohonan

Keputusan permohonan adalah berdasarkan penilaian oleh pihak Program Perkhidmatan Farmasi di Ibu Pejabat KKM ke atas kesesuaian data dengan penyelidikan serta impak hasil penyelidikan terhadap perkhidmatan Farmasi dan kesihatan. *Proposal* penyelidikan akan dirujuk semasa proses penilaian permohonan.

Pemohon hendaklah bertanggungjawab terhadap data-data yang telah diperolehi dan data-data yang diterima tidak dibenarkan untuk dikongsikan dengan pihak ketiga tanpa kebenaran daripada Program Perkhidmatan Farmasi di Ibu Pejabat KKM. Penghargaan kepada Program Perkhidmatan Farmasi KKM di atas penggunaan data perlu dinyatakan dalam semua hasil penyelidikan, iaitu laporan penyelidikan, artikel penerbitan, bahan pembentangan dan lain-lain yang berkaitan.

Proses permohonan ini ialah seperti carta alir di Apendiks B2.

2.3 Analisis Data

Data-data yang telah dikumpulkan hendaklah dianalisis menggunakan kaedah yang telah dinyatakan dalam *proposal* penyelidikan.

2.4 Laporan Penyelidikan

Anggota Farmasi yang telah selesai melaksanakan penyelidikan dikehendaki menyediakan laporan lengkap bagi mendokumenkan perihal penyelidikan tersebut. Laporan teknikal penyelidikan yang lengkap dan abstrak boleh diarkibkan di fasiliti masing-masing dan satu salinan dikemukakan kepada Sekretariat R&D Farmasi di BDPSF, KKM untuk penerbitan dan rujukan (jika berkaitan).

2.4.1 Laporan Teknikal Penyelidikan

Program Perkhidmatan Farmasi KKM menggalakkan penyelidik daripada kalangan anggota Farmasi KKM menyediakan laporan teknikal untuk semua penyelidikan yang telah selesai dilaksanakan. Satu laporan teknikal penyelidikan yang lengkap perlu mengandungi tajuk-tajuk seperti berikut,

- i. Tajuk penyelidikan (*Research title*)
- ii. Nombor NMRR (*NMRR Number*)
- iii. Nama penyelidik utama, penyelidik bersama dan fasiliti (*Principal investigator, co-investigators, affiliation*)
- iv. Abstrak (*Abstract*)
- v. Pengenalan/Latar belakang penyelidikan (*Introduction/Background*)
- vi. Objektif (*Objectives*)
- vii. Kaedah (*Methods*)
- viii. Keputusan (*Results*)
- ix. Perbincangan (*Discussion*)
- x. Kesimpulan (*Conclusion*)
- xi. Cadangan/Kekurangan penyelidikan (*Recommendation/Limitation*)
- xii. Rujukan (*References*)
- xiii. Apendiks (*Appendix*)

Penulis boleh menambah tajuk/sub-tajuk yang bersesuaian dengan laporan penyelidikan masing-masing. Abstrak penyelidikan yang dicadangkan adalah jenis berstruktur dengan tajuk yang terdiri daripada pengenalan, objektif, kaedah, keputusan, kesimpulan dan kata-kata kunci. Rujukan hendaklah disenaraikan mengikut *citation style* American Chemical Society (ACS).

Laporan teknikal digalakkan ditulis dalam Bahasa Inggeris, namun Bahasa Malaysia juga boleh digunakan. Kandungan utama laporan teknikal, iaitu pengenalan/latar belakang hingga kesimpulan penyelidikan perlu mengandungi antara 3,000 hingga 6,000 patah perkataan.

2.5 Penyelidikan secara Kolaborasi dengan Program Perkhidmatan Farmasi KKM

Penyelidikan secara kolaborasi antara Program Perkhidmatan Farmasi KKM dengan agensi awam yang lain dan agensi swasta, termasuk institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta adalah digalakkan.

2.5.1 Permohonan Melaksanakan Penyelidikan secara Kolaborasi dengan Program Perkhidmatan Farmasi KKM

Program Perkhidmatan Farmasi KKM mengalu-alukan penyelidik dari kementerian/institusi/organisasi lain untuk menjalankan penyelidikan secara kolaborasi dengan Program Perkhidmatan Farmasi KKM. Penyelidik-penyelidik yang berminat boleh menghantar permohonan ke Program Perkhidmatan Farmasi di Ibu Pejabat KKM. Garis panduan permohonan ini diwujudkan bagi tujuan memantau pelaksanaan

penyelidikan secara kolaborasi antara Program Perkhidmatan Farmasi KKM dengan kementerian/institusi/organisasi lain.

2.5.1.1 Kriteria Permohonan

- i. Permohonan hendaklah disertakan surat rasmi yang dikemukakan kepada Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi, KKM.
- ii. Pemohon hendaklah melengkapkan borang permohonan C1/2018v1 (Apendiks C1) dan dihantar melalui pos kepada Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi di Program Perkhidmatan Farmasi, Ibu Pejabat KKM berserta dokumen sokongan yang dikehendaki.
- iii. Pemohon telah mendaftarkan penyelidikan dengan NMRR dan nombor NMRR telah diperolehi.
- iv. *Proposal* penyelidikan dan *Gantt Chart* yang lengkap perlu disertakan bersama borang permohonan.
- v. Peranan dan tanggungjawab penyelidik bersama daripada Program Perkhidmatan Farmasi di Ibu Pejabat KKM perlu dinyatakan dengan jelas dalam borang permohonan.
- vi. Pemohon dikehendaki mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh NIH semasa merancang dan melaksanakan penyelidikan.

2.5.1.2 Keputusan Permohonan

Pemohon akan dijemput untuk membentangkan *proposal* penyelidikan di dalam satu sesi perbincangan yang melibatkan panel penasihat teknikal dan penyelidik bersama daripada Program Perkhidmatan Farmasi di Ibu Pejabat KKM (jika telah dikenalpasti). Keputusan permohonan adalah berdasarkan pertimbangan oleh panel penasihat teknikal ke atas kesesuaian penyelidikan dan impak hasil penyelidikan terhadap perkhidmatan Farmasi dan kesihatan.

Penglibatan penyelidik bersama dan Program Perkhidmatan Farmasi KKM hendaklah dinyatakan di dalam semua hasil penyelidikan, iaitu laporan penyelidikan, artikel penerbitan, bahan pembentangan dan lain-lain yang berkaitan. Pemohon juga perlu mengemukakan satu salinan laporan penyelidikan yang lengkap kepada Program Perkhidmatan Farmasi di Ibu Pejabat KKM selepas penyelidikan selesai dijalankan.

Proses permohonan ini ialah seperti carta alir di Apendiks C2.

BAHAGIAN 3: PENYEBARAN DAN PERLUASAN HASIL PENYELIDIKAN

3.1 Pembentangan Hasil Penyelidikan

Pembentangan hasil penyelidikan di persidangan atau mesyuarat saintifik ialah salah satu kaedah untuk menyebarkan hasil penemuan daripada penyelidikan yang telah dijalankan. Sebarang sebaran hasil penyelidikan yang melibatkan fasiliti KKM perlu mendapat kelulusan daripada Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia (KPK)^{1,2}. Kelulusan boleh dipohon melalui Sekretariat NIH. Kaedah sebaran yang dimaksudkan merangkumi apa-apa bentuk penulisan, penerbitan, pengiklanan, pembentangan secara lisan atau poster, termasuk penerbitan di media cetak atau elektronik.

Bagi tujuan menggalakkan Pegawai Farmasi KKM membentangkan hasil penyelidikan masing-masing secara lisan di peringkat antarabangsa, BDPSF, KKM menawarkan insentif untuk menanggung yuran pendaftaran persidangan yang berkenaan.

3.1.1 Insentif untuk Membaiayai Pembentangan Hasil Penyelidikan

Pemberian insentif oleh BDPSF, KKM ini bertujuan untuk memberi peluang kepada penyelidik daripada kalangan Pegawai Farmasi KKM membentangkan hasil penyelidikan mereka dan seterusnya meningkatkan sebaran hasil penemuan penyelidikan di peringkat antarabangsa. Insentif ini adalah bagi membaiayai yuran pendaftaran persidangan sahaja. Keutamaan akan diberikan kepada penyelidikan berimpak tinggi yang menyumbang kepada penambahbaikan perkhidmatan Farmasi.

3.1.1.1 Kriteria Permohonan

- i. Pemohonan ini terbuka kepada anggota Farmasi yang sedang bertugas di fasiliti KKM. Pemohon yang sedang melanjutkan pengajian di peringkat pascasiswazah adalah tidak layak dipertimbangkan untuk permohonan ini.
- ii. Tajuk pembentangan yang dipohon merupakan hasil daripada penyelidikan yang dilaksanakan oleh pemohon semasa bertugas di fasiliti KKM. Pembentangan hasil penyelidikan yang merupakan hasil daripada syarat pengajian pascasiswazah adalah tidak layak dibiayai melalui permohonan ini.
- iii. Pemohon hendaklah melengkapkan borang permohonan D1/2018v1 (Apendiks D1) dan dihantar melalui pos kepada Sekretariat R&D Farmasi di BDPSF, KKM berserta dokumen sokongan yang dikehendaki, selewat-lewatnya tiga (3) bulan sebelum tarikh persidangan.
- iv. Permohonan perlu dihantar melalui Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)/Pengarah Institusi dan Penyelaras R&D Farmasi Negeri/Institusi perlu dirujuk dan dimaklumkan berkenaan permohonan tersebut.
- v. Pemohon telah mendaftarkan penyelidikan dengan NMRR, nombor NMRR telah diperolehi dan penyelidikan tersenarai dalam Pangkalan Data Penyelidikan Farmasi oleh Cawangan R&D Farmasi, BDPSF, KKM.
- vi. Tajuk pembentangan penyelidikan yang dipohon hendaklah belum pernah dibiayai oleh BDPSF, KKM.
- vii. Surat kelulusan KPK, melalui Sekretariat NIH untuk membentangkan hasil penyelidikan secara lisan telah diperolehi.
- viii. Persidangan adalah bertaraf antarabangsa, sama ada dianjurkan di Malaysia atau di luar negara dan berunsur pertandingan di mana terdapat penilaian oleh juri atau panel pakar.

- ix. Dokumen daripada pihak pengajur persidangan yang mengesahkan pembentangan adalah secara lisan telah diperolehi, sama ada surat atau e-mel.
- x. Maklumat berkaitan pembayaran yuran pendaftaran persidangan perlu disertakan bersama borang permohonan.
- xi. Abstrak untuk pembentangan perlu disertakan bersama borang permohonan.

3.1.1.2 Keputusan Permohonan

Keputusan permohonan adalah tertakluk kepada hasil penilaian dan peruntukan di BDPSF, KKM. Bagi permohonan yang telah diluluskan, hanya yuran pendaftaran persidangan sahaja akan dibiayai oleh BDPSF, KKM. Pemohon dikehendaki mendaftar sendiri dengan pengajur persidangan dan menghantar dokumen yang mengesahkan pendaftaran kepada Sekretariat R&D Farmasi, BDPSF, KKM sebelum urusan pembayaran yuran persidangan diproses di BDPSF, KKM.

Proses permohonan ini ialah seperti carta alir di Apendiks D2.

3.2 Penerbitan Hasil Penyelidikan

Penyebaran hasil penyelidikan juga boleh dibuat melalui penerbitan penyelidikan di dalam jurnal saintifik atau buku atau media yang lain. Sebaran hasil penyelidikan secara penerbitan juga perlu mendapatkan kelulusan daripada KPK terlebih dahulu, yang boleh dipohon melalui Sekretariat NIH^{1,2}.

Penerbitan hasil penyelidikan Farmasi amat digalakkan oleh Program Perkhidmatan Farmasi KKM, terutama di dalam jurnal tempatan atau antarabangsa yang berimpak tinggi. Insentif telah disediakan untuk mendorong para penyelidik mempergiatkan usaha bagi menerbitkan hasil penyelidikan di dalam jurnal berimpak tinggi.

3.2.1 Insentif untuk Membayar Kos Penerbitan Artikel Penyelidikan Farmasi

Pembayaran penerbitan oleh BDPSF, KKM bertujuan untuk memberi peluang kepada penyelidik daripada kalangan Pegawai Farmasi KKM menerbitkan hasil penyelidikan di dalam jurnal tempatan mahupun antarabangsa dan seterusnya meningkatkan penyebaran hasil penyelidikan yang telah dijalankan.

3.2.1.1 Kriteria Permohonan

- i. Pemohonan ini terbuka kepada anggota Farmasi yang sedang bertugas di fasiliti KKM. Pemohon yang sedang melanjutkan pengajian di peringkat pascasiswazah adalah tidak layak dipertimbangkan untuk permohonan ini.
- ii. Artikel merupakan hasil daripada penyelidikan yang dilaksanakan oleh pemohon semasa bertugas di fasiliti KKM. Penerbitan artikel yang merupakan hasil daripada syarat pengajian pascasiswazah adalah tidak layak dibiayai melalui permohonan ini.
- iii. Pemohon adalah penulis artikel pertama atau kedua.
- iv. Pemohon hendaklah melengkapkan borang permohonan E1/2018v1 (Apendiks E1) dan dihantar melalui pos kepada Sekretariat R&D Farmasi di BDPSF, KKM berserta dokumen sokongan yang dikehendaki.
- v. Satu salinan permohonan perlu dihantar kepada Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)/Ketua Jabatan Farmasi dan Penyelaras R&D Farmasi Negeri/Institusi.

- vi. Pemohon telah mendaftarkan penyelidikan dengan NMRR, nombor NMRR telah diperolehi dan penyelidikan tersenarai dalam Pangkalan Data Penyelidikan Farmasi oleh Cawangan R&D Farmasi, BDPSF, KKM.
- vii. Surat kelulusan KPK, melalui Sekretariat NIH untuk menerbitkan artikel telah diperolehi.
- viii. Jurnal penerbitan tersenarai di *Journal Citation Reports® – ISI Web of Knowledge* dan mempunyai impak faktor sekurang-kurangnya 0.5 bagi jurnal antarabangsa.
- ix. Dokumen daripada penerbit jurnal yang mengesahkan penerbitan telah diperolehi, sama ada surat atau e-mel, dan artikel yang dipohon hendaklah belum diterbitkan.
- x. Maklumat berkaitan pembayaran kos penerbitan, iaitu sebutharga atau invois yang lengkap dengan nama bank dan nombor akaun bank telah diperolehi daripada penerbit jurnal.
- xi. Manusrip artikel untuk penerbitan perlu disertakan bersama permohonan.

3.2.1.2 Keputusan Permohonan

Keputusan permohonan adalah tertakluk kepada hasil penilaian dan peruntukan di BDPSF, KKM. Bagi permohonan yang telah diluluskan, kos penerbitan artikel adalah ditanggung penuh oleh BDPSF, KKM.

Proses permohonan ini ialah seperti carta alir di Apendiks E2.

3.3 Perluasan Hasil Penyelidikan

Hasil penyelidikan daripada penyelidikan yang berpotensi boleh dirujuk atau digunakan untuk membentuk dasar-dasar baru atau/dan memperbaiki dasar-dasar sedia ada di dalam perkhidmatan Farmasi. Penyelidik yang telah selesai menjalankan penyelidikan dan mempunyai penemuan yang boleh dimanfaatkan oleh Program Perkhidmatan Farmasi KKM disarankan untuk mengemukakan cadangan kepada pihak DPSF, KKM. Semua cadangan boleh dihantar kepada Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi, Program Perkhidmatan Farmasi di Ibu Pejabat KKM untuk dipertimbangkan.

BAHAGIAN 4: PEMANTAUAN AKTIVITI PENYELIDIKAN FARMASI

Aktiviti penyelidikan oleh anggota Farmasi di bawah Program Perkhidmatan Farmasi KKM akan dipantau oleh Cawangan R&D Farmasi di BDPSF, KKM. Penyelaras R&D Farmasi negeri/institusi KKM yang telah dilantik dikehendaki menghantar laporan lengkap dan terkini mengenai semua penyelidikan yang dijalankan oleh anggota Farmasi di fasilit-fasiliti di bawah seliaan negeri/institusi masing-masing mengikut format standard yang disediakan dua kali setahun, iaitu pada bulan Januari dan Julai⁵. Semua penyelidikan yang dimulakan oleh Pegawai Farmasi di bawah Program Perkhidmatan Farmasi KKM perlu dilaporkan.


Rujukan

1. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 10/2015. 21 Oktober 2015.
2. *NIH Guidelines for Conducting Research in Ministry of Health Institutions and Facilities. National Institutes of Health, Ministry of Health. Revision 1/2015, October 2015.* (Garis Panduan Institut Kesihatan Negara Mengenai Penyelidikan di Institusi dan Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia. Institut Kesihatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia. Pindaan 1/2015, Oktober 2015)
3. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 3/2017. 5 Mei 2017.
4. Garis Panduan Institut Kesihatan Negara (*National Institutes of Health-NIH*) Mengenai Permohonan Geran Penyelidikan Kementerian Kesihatan Malaysia. Institut Kesihatan Negara. Kementerian Kesihatan Malaysia. Versi 3.0, 5 Mei 2017.
5. Surat makluman Penggunaan Format Baru bagi Pengumpulan Pangkalan Data Penyelidikan Farmasi bermula Tahun 2017. 7 Jun 2017. (KKM.600-56/15/4 Jld. 3 (23))

Apendiks A

The Flow of Conducting Research by MOH Pharmacists

The Flow of Conducting Research by MOH Pharmacists



MANDATORY if (i) research undertaken by MOH personnel or/and conducted in MOH facilities or/and funded by MOH research grant [1,2] (ii) dissemination of research findings (presentation, publication) [1,2].

Applicable to (i) research require ethical clearance by MREC [1,2] (ii) researchers plan to apply research grant from NIH [2,3].

Applicable to (i) researchers require to collect/use data from PSP, MOH [4] or other facility [1] (ii) researchers plan to apply funding from PSP, MOH [5,6].

Progress of research conduct by MOH pharmacists. Report regarding the progress of research shall be sent to Pharmacy R&D Secretariat at PSP, MOH, every six-month [7].

DG-Director General of Health Malaysia, MOH-Ministry of Health Malaysia, MREC-Medical Research and Ethics Committee, NIH-National Institutes of Health, NMRR-National Medical Research Register, PSP-Pharmaceutical Services Programme

REFERENCES

1. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 10/2015. Garis Panduan Institut Kesihatan Negara Mengenai Penyelidikan di Institusi dan Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (Pindaan 01/2015) (NIH Guidelines for Conducting Research in Ministry of Health Institutions and Facilities, October 2015) (nih.gov.my)
2. www.nmrr.gov.my
3. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 3/2017. Garis Panduan Institut Kesihatan Negara (National Institutes of Health-NIH) Mengenai Permohonan Geran Penyelidikan Kementerian Kesihatan Malaysia (Versi 3.0, 5 Mei 2017).
4. Permohonan Data-data daripada Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia untuk Tujuan Penyelidikan (www.pharmacy.gov.my)
5. Permohonan Peruntukan bagi Membiayai Pembentangan Hasil Penyelidikan Farmasi secara Lisan di Persidangan Antarabangsa, bagi Program Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia (www.pharmacy.gov.my)
6. Permohonan Peruntukan bagi Membiayai Kos Penerbitan Artikel Penyelidikan Farmasi di dalam Jurnal, bagi Program Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia (www.pharmacy.gov.my)
7. Surat makluman Penggunaan Format Baru bagi Pengumpulan Pangkalan Data Penyelidikan Farmasi bermula Tahun 2017. (KKM.600-56/15/4 Jld. 3 (23))

Apendiks B1

Borang Permohonan Data-data daripada Program
Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia
untuk Tujuan Penyelidikan

**Borang Permohonan Data-data daripada Program Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia untuk Tujuan Penyelidikan**

SENARAI SEMAK	
1. Borang Permohonan Data-data daripada Program Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia untuk Tujuan Penyelidikan	<input type="checkbox"/>
2. Surat permohonan secara bertulis kepada Pengarah, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (BDPSF, KKM)	<input type="checkbox"/>
3. Penyelidikan telah berdaftar dengan National Medical Research Register (NMRR) dengan lengkap dan nombor NMRR disertakan	<input type="checkbox"/>
4. <i>Proposal</i> penyelidikan yang lengkap dengan Gantt Chart	<input type="checkbox"/>
5. Senarai maklumat data (<i>variable</i>) yang dipohon	<input type="checkbox"/>

Nota: Sila hantar borang permohonan dan dokumen sokongan melalui pos kepada,

**Pengarah
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Farmasi,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Lot 36, Jalan Universiti,
46200 Petaling Jaya, Selangor.**

**Borang Permohonan Data-data daripada Program Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia untuk Tujuan Penyelidikan**

A. BUTIRAN PEMOHON	
Nama Penuh	
Alamat E-mel	Nombor Telefon Bimbit
Institusi	
Alamat Penuh Institusi	
Peranan Pemohon*: Penyelidik Utama / Penyelidik Bersama Sila nyatakan nama penyelidik utama dan institusi jika pemohon ialah penyelidik bersama:	
B. BUTIRAN PENYELIDIKAN	
Nombor NMRR Penyelidikan	
Tajuk Penuh Penyelidikan	
Nama Penyelidik Bersama yang Lain (Sila sertakan lampiran jika perlu/nyatakan dalam proposal penyelidikan)	
Tarikh Mula	Tarikh Dijangka Tamat
Justifikasi Penyelidikan Dilaksanakan	
Impak Hasil Penyelidikan	
Maklumat (variable) yang Dipohon (Sila sertakan lampiran jika perlu)	
C. PENGESAHAN PEMOHON	
Tandatangan Pemohon	Cop Rasmi Jawatan
Tarikh	


(*) Sila potong mana yang tidak berkenaan

**Borang Permohonan Data-data daripada Program Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia untuk Tujuan Penyelidikan**

D. SEMAKAN oleh SEKRETARIAT R&D FARMASI, BAHAGIAN DASAR & PERANCANGAN STRATEGIK FARMASI, KKM			
Tarikh Diterima	Nombor Permohonan		
Ulasan	1. Semua kriteria permohonan dipenuhi. 2. Maklumat permohonan dan dokumen sokongan adalah lengkap. 3. Data yang dipohon sesuai dengan tajuk penyelidikan. 4. Lain-lain :	– Ya	– Tidak
Cawangan yang memiliki data dipohon			
Tandatangan Sekretariat R&D Farmasi	Cop Rasmi Jawatan		
Tarikh			
E. PENILAIAN oleh TIMBALAN PENGARAH CAWANGAN (Pemegang Data Utama)			
Permohonan disokong.	– Ya – Tidak		
Pegawai yang Dihubungi (Jika permohonan disokong)			
Ulasan			
Tandatangan Timbalan Pengarah Cawangan (Pemegang Data Utama)	Cop Rasmi Jawatan		
Tarikh			
F. KELULUSAN oleh PENGARAH, BAHAGIAN DASAR & PERANCANGAN STRATEGIK FARMASI			
Permohonan diluluskan.	– Ya – Tidak		
Ulasan			
Tandatangan Pengarah	Cop Rasmi Jawatan		
Tarikh			

Apendiks B2

Carta Alir Proses Permohonan Data-Data daripada Program Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk Tujuan Penyelidikan



Apendiks C1

Borang Permohonan Melaksanakan Penyelidikan secara Kolaborasi dengan Program Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia

**Borang Permohonan Melaksanakan Penyelidikan secara Kolaborasi dengan
Program Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia**

SENARAI SEMAK	
1.	Borang Permohonan Melaksanakan Penyelidikan secara Kolaborasi dengan Program Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) <input type="checkbox"/>
2.	Surat permohonan secara bertulis kepada Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia <input type="checkbox"/>
3.	Penyelidikan telah berdaftar dengan National Medical Research Register (NMRR) dengan lengkap dan nombor NMRR disertakan <input type="checkbox"/>
4.	<i>Proposal</i> penyelidikan yang lengkap dengan Gantt Chart <input type="checkbox"/>
5.	Peranan dan tanggungjawab penyelidik bersama dari Program Perkhidmatan Farmasi, Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia dinyatakan dengan jelas <input type="checkbox"/>

Nota: Sila hantar borang permohonan dan dokumen sokongan melalui pos kepada,

**Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi,
Pejabat Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Lot 36, Jalan Universiti,
46200 Petaling Jaya, Selangor.**

**Borang Permohonan Melaksanakan Penyelidikan secara Kolaborasi dengan
Program Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia**

A. BUTIRAN PEMOHON	
Nama Penuh	
Alamat E-mel	Nombor Telefon Bimbit
Institusi	
Alamat Penuh Institusi	
Peranan Pemohon*: Penyelidik Utama / Penyelidik Bersama Sila nyatakan nama penyelidik utama dan institusi jika pemohon ialah penyelidik bersama:	
B. BUTIRAN PENYELIDIKAN	
Nombor NMRR Penyelidikan	
Tajuk Penuh Penyelidikan	
Nama Penyelidik Bersama yang Lain (Sila sertakan lampiran jika perlu/nyatakan dalam proposal penyelidikan)	
Tarikh Mula	Tarikh Dijangka Tamat
Justifikasi Penyelidikan Dilaksanakan	
Impak Hasil Penyelidikan	
C. MAKLUMAT KOLABORASI PENYELIDIKAN	
Cawangan di Program Perkhidmatan Farmasi KKM yang Berkaitan	
Peranan dan Tanggungjawab Penyelidik Bersama daripada Program Perkhidmatan Farmasi KKM	
D. PENGESAHAN PEMOHON	
Tandatangan Pemohon	Cop Rasmi Jawatan
Tarikh	

(*Sila potong mana yang tidak berkenaan)

**Borang Permohonan Melaksanakan Penyelidikan secara Kolaborasi dengan
Program Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia**


E. SEMAKAN oleh SEKRETARIAT R&D FARMASI, BAHAGIAN DASAR & PERANCANGAN STRATEGIK FARMASI, KKM			
Tarikh Diterima	Nombor Permohonan		
Ulasan	1. Semua kriteria permohonan dipenuhi. 2. Maklumat permohonan dan dokumen sokongan adalah lengkap. 3. Penyelidikan berkaitan dengan BPF, KKM. 4. Lain-lain :	– Ya	– Tidak
Panel Penasihat Teknikal yang Ditubuhkan			
Tandatangan Sekretariat R&D Farmasi	Cop Rasmi Jawatan		
Tarikh			
F. PENILAIAN oleh KETUA PANEL PENASIHAT TEKNIKAL			
Permohonan disokong.	– Ya – Tidak		
Pegawai BPF, KKM yang Dilantik sebagai Penyelidik Bersama (Jika permohonan disokong)			
Ulasan			
Tandatangan Ketua Panel Penasihat Teknikal	Cop Rasmi Jawatan		
Tarikh			

**Borang Permohonan Melaksanakan Penyelidikan secara Kolaborasi dengan
Program Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia**

G. KELULUSAN oleh PENGARAH, BAHAGIAN DASAR & PERANCANGAN STRATEGIK FARMASI		
Permohonan diluluskan.	– Ya – Tidak	
Ulasan		
Tandatangan Pengarah	Cop Rasmi Jawatan	
Tarikh		

Apendiks C2

Carta Alir Proses Permohonan Melaksanakan Penyelidikan secara Kolaborasi dengan Program Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)



Apendiks D1

Borang Permohonan Peruntukan bagi Membayai
Pembentangan Hasil Penyelidikan Farmasi secara Lisan di
Persidangan Antarabangsa bagi Program Perkhidmatan
Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia

Borang Permohonan Peruntukan bagi Membaiayai Pembentangan Hasil Penyelidikan Farmasi secara Lisan di Persidangan Antarabangsa bagi Program Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI SEMAK

1. Borang Permohonan Peruntukan bagi Membaiayai Pembentangan Hasil Penyelidikan Farmasi secara Lisan di Persidangan Antarabangsa bagi Program Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	<input type="checkbox"/>
2. Pemohon ialah anggota Farmasi yang sedang bertugas di fasiliti KKM	<input type="checkbox"/>
3. Tajuk pembentangan merupakan hasil daripada penyelidikan yang dilaksanakan oleh pemohon semasa bertugas di fasiliti KKM	<input type="checkbox"/>
4. Penyelidikan telah berdaftar dengan <i>National Medical Research Register</i> (NMRR) dengan lengkap, nombor NMRR disertakan dan tersenarai dalam Pangkalan Data Penyelidikan Farmasi oleh Cawangan Penyelidikan dan Pembangunan Farmasi, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, KKM	<input type="checkbox"/>
5. Tajuk pembentangan penyelidikan belum pernah dibiayai oleh Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Farmasi, KKM	<input type="checkbox"/>
6. Surat kelulusan Ketua Pengarah Kesihatan, melalui Sekretariat <i>National Institutes of Health</i> (NIH) untuk membentangkan tajuk penyelidikan secara lisan	<input type="checkbox"/>
7. Dokumen daripada pihak pengajur yang mengesahkan pembentangan adalah secara lisan disertakan (surat atau e-mel)	<input type="checkbox"/>
8. Maklumat berkaitan pembayaran yuran pendaftaran persidangan disertakan dan anggaran yuran pendaftaran dinyatakan dalam Ringgit Malaysia	<input type="checkbox"/>
9. Abstrak pembentangan penyelidikan disertakan	<input type="checkbox"/>

Nota: Sila hantar borang permohonan dan dokumen sokongan melalui pos, selewat-lewatnya tiga bulan sebelum tarikh persidangan kepada,

**Sekretariat R&D Farmasi,
Cawangan Penyelidikan dan Pembangunan Farmasi,
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Farmasi,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Lot 36, Jalan Universiti,
46200 Petaling Jaya, Selangor.**

Borang Permohonan Peruntukan bagi Membaiayai Pembentangan Hasil Penyelidikan Farmasi secara Lisan di Persidangan Antarabangsa bagi Program Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia

A. BUTIRAN PEMOHON	
Nama Penuh	
Jawatan	Gred
Tempat Bertugas	
Alamat E-mel	Nombor Telefon Bimbit
B. BUTIRAN PEMBENTANGAN	
Nombor NMRR Penyelidikan	
Tajuk Penuh Pembentangan	
Nama Penuh Persidangan	
Tempat Persidangan	
Tarikh Persidangan	Anggaran Yuran Pendaftaran (RM)
C. PENGESAHAN PEMOHON	
Tandatangan Pemohon	Cop Rasmi Jawatan
Tarikh	
D. PENGESAHAN KETUA JABATAN/KETUA JABATAN FARMASI	
Tandatangan Ketua Jabatan/Ketua Jabatan Farmasi	Cop Rasmi Jawatan
Tarikh	
E. PENGESAHAN TIMBALAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI (FARMASI)/PENGARAH INSTITUSI*	
Tandatangan TPKN(F)/Pengarah Institusi	Cop Rasmi Jawatan
Tarikh	


(*) Bagi Hospital Kuala Lumpur dan Institut Kanser Negara.

Borang Permohonan Peruntukan bagi Membaiayai Pembentangan Hasil Penyelidikan Farmasi secara Lisan di Persidangan Antarabangsa bagi Program Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia

F. SEMAKAN oleh SEKRETARIAT R&D FARMASI, BAHAGIAN DASAR & PERANCANGAN STRATEGIK FARMASI, KKM		
Tarikh Terima	Nombor Permohonan	
Ulasan	1. Semua kriteria permohonan dipenuhi. <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak 2. Maklumat permohonan dan dokumen sokongan adalah lengkap. <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak 3. Baki peruntukan mencukupi untuk membaiayai yuran pendaftaran. (Baki peruntukan : RM <input style="width: 50px; height: 15px;" type="text"/>) <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak 4. Lain-lain :	
Tandatangan Sekretariat R&D Farmasi	Cop Rasmi	
Tarikh		
G. PENILAIAN oleh PENGURUSI JAWATANKUASA R&D FARMASI KKM		
Hasil penyelidikan mempunyai impak terhadap perkhidmatan farmasi dan kesihatan secara keseluruhan.		<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
Permohonan disokong.	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak	
Ulasan		
Tandatangan Pengerusi	Cop Rasmi Jawatan	
Tarikh		
H. PENILAIAN oleh PENGARAH, BAHAGIAN DASAR & PERANCANGAN STRATEGIK FARMASI		
Permohonan diluluskan.	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak	
Ulasan		
Tandatangan Pengarah	Cop Rasmi Jawatan	
Tarikh		

Apendiks D2

Carta Alir Proses Permohonan Peruntukan bagi Membiasai Pembentangan Hasil Penyelidikan Farmasi secara Lisan di Persidangan Antarabangsa, bagi Program Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)



Apendiks E1

Borang Permohonan Peruntukan bagi Membiaayai
Kos Penerbitan Artikel Penyelidikan Farmasi di dalam
Jurnal, bagi Program Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

**Borang Permohonan Peruntukan bagi Membiaiayai Kos Penerbitan Artikel
Penyelidikan Farmasi di dalam Jurnal, bagi
Program Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia**

SENARAI SEMAK

1. Borang Permohonan Peruntukan bagi Membiaiayai Kos Penerbitan Artikel Penyelidikan Farmasi di dalam Jurnal, bagi Program Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	<input type="checkbox"/>
2. Pemohon ialah penulis artikel dan anggota Farmasi yang sedang bertugas di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia	<input type="checkbox"/>
3. Artikel merupakan hasil daripada penyelidikan yang dilaksanakan oleh pemohon semasa bertugas di fasiliti KKM	<input type="checkbox"/>
4. Pemohon adalah penulis pertama atau kedua	<input type="checkbox"/>
5. Penyelidikan telah berdaftar dengan National Medical Research Register (NMRR) dengan lengkap, nombor NMRR disertakan dan tersenarai dalam Pangkalan Data Penyelidikan Farmasi oleh Cawangan Penyelidikan dan Pembangunan Farmasi, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, KKM	<input type="checkbox"/>
6. Surat kelulusan Ketua Pengarah Kesihatan, melalui sekretariat National Institutes of Health (NIH) untuk menerbitkan artikel	<input type="checkbox"/>
7. Jurnal penerbitan tersenarai di Journal Citation Reports® – ISI Web of Knowledge dan impak faktor bagi jurnal antarabangsa dinyatakan	<input type="checkbox"/>
8. Dokumen daripada penerbit jurnal yang mengesahkan penerbitan disertakan (surat atau e-mel) dan artikel yang dipohon belum diterbitkan	<input type="checkbox"/>
9. Maklumat berkaitan pembayaran kos penerbitan daripada penerbit jurnal disertakan (sebutharga atau invois yang lengkap dengan nama bank dan nombor akaun bank)	<input type="checkbox"/>
10. Manuskip artikel untuk penerbitan disertakan	<input type="checkbox"/>

Nota: Sila hantar borang permohonan dan dokumen sokongan melalui pos kepada,

**Sekretariat R&D Farmasi,
Cawangan Penyelidikan dan Pembangunan Farmasi,
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Farmasi,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Lot 36, Jalan Universiti,
46200 Petaling Jaya, Selangor.**

**Borang Permohonan Peruntukan bagi Membiaiayai Kos Penerbitan Artikel
Penyelidikan Farmasi di dalam Jurnal, bagi
Program Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia**

A. BUTIRAN PEMOHON	
Nama Penuh	
Jawatan	Gred
Tempat Bertugas	
Alamat E-mel	Nombor Telefon Bimbit
B. BUTIRAN PENERBITAN ARTIKEL	
Nombor NMRR Penyelidikan	
Status Pemohon* :	Penulis Pertama / Penulis Kedua
Tajuk Penuh Artikel	
Tajuk Penuh Jurnal	
Impak Faktor Jurnal	
Anggaran Harga Penerbitan (RM)	
C. PENGESAHAN PEMOHON	
Tandatangan Pemohon	Cop Rasmi Jawatan
Tarikh	
D. PENGESAHAN KETUA JABATAN/KETUA JABATAN FARMASI	
Tandatangan Ketua Jabatan/Ketua Jabatan Farmasi	Cop Rasmi Jawatan
Tarikh	


(*) Sila potong mana yang tidak berkenaan.

**Borang Permohonan Peruntukan bagi Membaiayai Kos Penerbitan Artikel
Penyelidikan Farmasi di dalam Jurnal, bagi
Program Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia**

E. SEMAKAN oleh SEKRETARIAT R&D FARMASI, BAHAGIAN DASAR & PERANCANGAN STRATEGIK FARMASI, KKM		
Tarikh Terima	Nombor Permohonan	
Ulasan	1. Semua kriteria permohonan dipenuhi. <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak 2. Maklumat permohonan dan dokumen sokongan adalah lengkap. <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak 3. Baki peruntukan mencukupi untuk membaiayai penerbitan. (Baki peruntukan : RM) <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak 4. Lain-lain :	
Tandatangan Sekretariat R&D Farmasi	Cop Rasmi Jawatan	
Tarikh		
F. PENILAIAN oleh PENGURUSI JAWATANKUASA R&D FARMASI KKM		
Hasil penyelidikan mempunyai impak terhadap perkhidmatan farmasi dan kesihatan secara keseluruhan.		<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
Permohonan disokong.	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak	
Ulasan		
Tandatangan Pengerusi	Cop Rasmi Jawatan	
Tarikh		
G. KELULUSAN oleh PENGARAH, BAHAGIAN DASAR & PERANCANGAN STRATEGIK FARMASI		
Permohonan diluluskan.	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak	
Ulasan		
Tandatangan Pengarah	Cop Rasmi Jawatan	
Tarikh		

Apendiks E2

Carta Aliran Proses Permohonan Peruntukan bagi Membayai Kos Penerbitan Artikel Penyelidikan Farmasi di dalam Jurnal, bagi Program Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)



Garis Panduan Menjalankan Penyelidikan di bawah Program Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia 2018

Januari 2018

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia
Lot 36, Jalan Universiti, 46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

www.pharmacy.gov.my

Tel: +603 7841 3200 | Faks: +603 7968 2222 | E-mel: rndfarmasi@moh.gov.my